



MOHD Ikhwan bersama pemenang lain Pertandingan Akhir Pidato 1Malaysia yang berlangsung di UTHM, semalam.

# Berpidato tambat hati si dia

## ■ Cinta pelajar lelaki pemangkin rangkul kejuaraan

Oleh Mohd Hanafis Abdul Haris  
am@hmetro.com.my

**Batu Pahat**

**U**sah seorang pelajar undang-undang menambat hati gadis pilihannya dengan menyertai pertandingan pidato membuahkan hasil apabila dia diumumkan johan Pertandingan Akhir Pidato 1Malaysia peringkat kebangsaan 2015 yang diadakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini, semalam.

Pertandingan anjuran Jabatan Penerangan Malaysia itu melayakkan Mohd Ikhwan Mohd Rosseli, 26, membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000, piala pusngan, piala iringan serta sijil penyertaan.

Menurut Mohd Ikhwan, walaupun pertandingan itu disertai kerana minatnya dalam bidang pidato, namun semangat memikat hati gadis pilihan menjadinya pemangkin buatnya untuk lebih berdaya saing.

"Jika ada rezeki gadis itu pilihan saya untuk dijadikan isteri. Jadi untuk menambah hatinya, saya perlu buktikan saya mampu menujuai pertandingan pidato 1Malaysia ini," katanya.

Menurutnya, walaupun menghadapi pelbagai cabaran sebelum pertandingan bermula,

la, namun atas semangat diberikan individu tertentu termasuk ibu bapanya sendiri menjadikannya lebih berdedikasi dalam menyampaikan setiap intipati kandungan pidato.

"Pada awalnya saya patah semangat, namun apabila ada yang tampil memberi kata semangat, saya menjadi bertambah yakin. Walaupun tidak mengharapkan kemenangan, namun niat bergelar juara itu masih ada," katanya.

Mohd Ikhwan berkata, dia mengambil tempoh sebulan untuk memastikan setiap isi penting dan intipati pidatonya tepat dengan tajuk.

"Selain menumpukan tajuk Modal Insan Pemangkin Ke Arah Negara Maju, saya juga banyak bermain elemen emosi dan sedikit jenaka. Malah, elemen visual mengenai topik digunakan pakai," katanya.

Tempat kedua disandang pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) Nurul Afifah Adila Mohd Salleh, 24 dan ketiga milik Ghazali Mat Zain, 38, seorang guru dari Kelantan.

Masing-masing membawa pulang wang tunai RM2,000 dan RM1,000 berserta piala iringan dan sijil penyertaan.

Pertandingan yang bermula pada bulan Mac hingga Jun lalu itu menerima 516 penyertaan dari seluruh negara dan menjadi acara tahunan.

**FAKTA**  
516 penyertaan diterima dari seluruh negara